



JURNAL LINGUISTIK Vol. 25 (2) November 2021 (079-095)

Kalilah wa Dimnah sebagai Sebuah Naratif dalam Mendidik Masyarakat

¹Pabiyah Toklubok, ²Kamariah Kamarudin,
³Zaitul Azma Zainon Hamzah & ⁴Raihan Marzuki
pabiyah@upm.edu.my, kkamaria@upm.edu.my
azmahamzah@gmail.com, raihanmarzuki@yahoo.com

*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia.*

Tarikh terima : 30 September 2021
Received
Terima untuk diterbitkan : 18 Oktober 2021
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2021
Published online

Abstrak

Sesebuah karya lazimnya dihasilkan berdasarkan ilmu pengetahuan, latar belakang, pengalaman hidup, atau imaginasi dan kreativiti seseorang pengarang. Karya yang bersifat cerita mempunyai elemen tertentu yang membentuk karya tersebut seperti tema, watak, plot, latar tempat dan masa serta mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang. Mesej ini disampaikan sama ada secara implisit atau eksplisit bergantung pada kreativiti setiap pengarang. Dari segi pembinaan watak, setiap pengarang mempunyai cara dan kreativiti tersendiri. Penggunaan watak haiwan dalam sesebuah karya juga mempunyai tujuan tertentu dan memberikan kesan yang berbeza. Sasterawan agung zaman Abbasiyah, Abdullah Ibn al-Muqaffa' menerusi karya beliau, *Kalilah wa Dimnah*, menjadikan haiwan sebagai watak utama dalam pembinaan karya. Kajian ini bertujuan mengenal pasti elemen naratif dalam *Kalilah wa Dimnah* serta menganalisis *tausiah* atau mesej penting yang ingin disampaikan oleh pengarang. Bagi tujuan itu, sebanyak sembilan buah cerita daripada keseluruhan 16 buah cerita telah dipilih sebagai data. Kajian berbentuk kualitatif deskriptif ini menggunakan gabungan dua pendekatan, iaitu teori *Bina'iyyah* dan gagasan Imam al-Ghazali. Teori *Bina'iyyah* digunakan untuk mengenal pasti dan menganalisis elemen naratif dengan memfokuskan elemen *tausiah* atau mesej memandangkan perkaitan erat antara elemen ini dengan kesan dalam mendidik masyarakat. Gagasan Imam al-Ghazali pula diterapkan untuk menentukan nilai murni yang termuat dalam *tausiah* dalam membentuk akhlak mulia. Hasil kajian menemukan empat *tausiah* utama berkaitan dengan pemerintahan dan persahabatan. Keempat-empat *tausiah* ini ditujukan kepada khalayak pembaca sebagai panduan dalam mendidik dan membentuk masyarakat ke arah kesejahteraan seperti yang dianjurkan oleh Islam.

Kata kunci: *Kalilah wa Dimnah*, Abdullah Ibn al-Muqaffa', al-Ghazali, naratif, *tausiah*.

Kalilah wa Dimnah as a Narrative in Educating Society

Abstract

A literary writing is usually generated from knowledge, background, life experiences, or imagination and creativity of an author. A piece of literary work that features a story consists of certain elements that defines the writing such as theme, character, plot, setting and timeline, as well as the message that the author seeks

to relay. The message that is relayed, whether implicit or explicit, depends on the creativity of the author. From the aspect of character development, every author possesses their own style and creativity. The use of the portrayal of animals in a piece of literary writing also has specific objectives, resulting in different effects. Abdullah Ibn al-Muqaffa', the great literary figure from the Abbasid era, in his writing, *Kalilah wa Dimnah*, used animals as the main characters in the construction of his works. This research aims to identify narrative elements in the *Kalilah wa Dimnah*, and to analyse the *tausiah* or important message that the author had intended to share. For this reason, data were collected from nine stories out of a total of 16 stories. This descriptive qualitative research utilised the combination of two approaches: the theory of Bina'iyyah and al-Ghazali's concepts. The theory of Bina'iyyah was used to identify and analyse narrative elements by focusing on the *tausiah* element or message, considering the close connection between this element and its effect in educating society. Al-Ghazali's concepts were applied to determine the pure values in the *tausiah* that develop noble morals. The results of this research detected four main *taufiah* related to government and friendship. These four *taufiah* were directed at readers as a guide in educating and moulding society towards its well-being as advocated in Islam.

Keywords: *Kalilah wa Dimnah*, Abdullah Ibn al-Muqaffa', al-Ghazali, narrative, *tausiah*

1. Pengenalan

Sastera secara umum tanpa mengira bangsa dan tempat memainkan peranan yang penting dalam membina sahsiah individu dan seterusnya membina masyarakat yang berkualiti. Sastera bukan hanya dihasilkan untuk menghibur atau memenuhi keperluan naluri pencipta karya semata-mata, tetapi juga mempunyai peranan yang besar dalam mendidik pembaca ke arah nilai-nilai murni. Hal ini dikatakan demikian kerana sebagai seorang muslim, setiap karya yang dihasilkan juga akan dipertanggungjawabkan. Allah SWT telah menjelaskan perkara tersebut menerusi firman-Nya dalam Surah Qaf 50:18 yang bermaksud: "Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menuliskannya)." Ayat ini jelas menunjukkan betapa pentingnya seseorang pengarang menyampaikan sesuatu yang baik, benar dan indah dalam pengkaryaan kerana setiap hasil penulisan akan diberikan ganjaran berbentuk pahala atau dosa.

Sungguhpun demikian, terdapat segelintir masyarakat yang memandang serong terhadap peranan sastera dan kerelevanannya dengan kehidupan masyarakat, khususnya pada era digital kini disebabkan terlalu taksab kepada arus teknologi moden dan aplikasi perisian maya. Adakah kenyataan ini dapat diterima bulat-bulat atau di sana terdapat karya sastera bermutu yang mampu meninggalkan kesan kepada khalayak pembaca? Seiringan dengan itu, kajian ini ingin melihat dan seterusnya membuktikan bahawa karya sastera seperti *Kalilah wa Dimnah* mampu berperanan sebagai sebuah naratif dalam memberikan pengajaran dan seterusnya mendidik masyarakat dalam melahirkan individu yang berpegang kepada nilai murni, seperti yang disarankan oleh agama Islam dan juga norma setempat. Nilai murni yang dimaksudkan dalam konteks kajian ini ialah nilai baik yang perlu ada pada setiap individu supaya segala tindakan yang dilakukan tidak menyeleweng daripada norma-norma sosial dalam masyarakat. Ini termasuklah nilai seperti keikhlasan, kesetiaan, kejujuran, kesabaran, amanah, syukur, tawakal, reda dan bertanggungjawab. Naratif pula ialah cerita atau kisah tentang peristiwa dan lain-lain (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Dalam konteks kajian ini, naratif yang dimaksudkan ialah cerita yang dibina dan mempunyai elemen asas bagi sesebuah cerita yang dimuatkan dalam kitab *Kalilah wa Dimnah*. Setiap naratif pula dibangunkan oleh lima elemen penting, iaitu tema, plot, watak, suasana (latar tempat dan masa) dan mesej atau *tausiah*.

Sejajar dengan itu, peranan *tausiah* juga sangat diberikan keutamaan dalam menyempurnakan sesebuah karya kreatif. Hal ini berlaku demikian kerana *tausiah* merupakan elemen yang penting untuk mendidik pembaca. Perkataan "*tausiah*" mempunyai susur galurnya yang tersendiri, iaitu berasal daripada perkataan Arab. Perkataan ini dibentuk daripada kata kerja "*wassa, yuwassi, tausiah*" yang bermaksud menyuruh, memerintah, menjadikan sesuatu. (Mu'jam al-Ma'ani al-Jami', 2004) Dalam konteks kajian ini, "*tausiah*" bermaksud suruhan, amanat atau pengajaran yang ingin disampaikan oleh pengarang. Amanat yang disampaikan pengarang dalam teks didapati

berupaya membangunkan jiwa manusia untuk mencintai nilai-nilai murni selain membentuk keperibadian mulia demi kesejahteraan masyarakat sejagat.

Apabila diimbis kembali, pergolakan dalam masyarakat yang berlaku pada era pemerintahan Abbasiyah, khususnya pada permulaan penubuhannya telah mencetuskan idea kepada sasterawan Abdullah ibn al-Muqaffa' untuk menghasilkan sesuatu yang dapat menyumbang kepada pendidikan masyarakat secara keseluruhan. Hal ini dapat diperhatikan sama ada pada pihak pemerintah, pembesar mahupun rakyat jelata. Dalam penghasilan karya tersebut, beliau menggunakan watak binatang sebagai landasan untuk menyampaikan mesejnya kepada khalayak pembaca.

2. Sorotan Literatur

Kerajaan Abbasiyah diasaskan setelah kejatuhan kerajaan Umawiyah pada tahun 132 Hijrah dan merupakan sebuah pemerintahan yang mampu bertahan selama 524 tahun. Walau bagaimanapun, pada permulaan peralihan kuasa, penyelewengan dan kezaliman yang berleluasa telah menyebabkan tekanan dan kemelaratan hidup dalam kalangan rakyat (Al-Thubaity 2006). Keadaan ini telah mencetuskan perasaan tidak puas hati dalam kalangan bangsa Arab. Pelbagai usaha dilaksanakan untuk mengembalikan kesedaran dalam kalangan para pemerintah, termasuklah usaha dalam bentuk penulisan dan penghasilan karya sastera. Antara usaha untuk menyedarkan pemerintah dan mengembalikan keharmonian masyarakat ialah usaha yang dilakukan oleh sasterawan melalui karya mereka sama ada dalam bentuk prosa mahupun puisi. Hal ini berlaku demikian kerana sastera tidak hanya berperanan untuk menghibur semata-mata, malah juga menyalurkan idea dan pandangan terhadap sesuatu isu yang melanda masyarakat. Menyedari hakikat ini, pengkarya seperti Abdullah Ibn al-Muqaffa tampil mengemukakan pandangan, kritikan dan nasihat melalui karya agung beliau, iaitu *Kalilah wa Dimnah*.

Pada asalnya, kitab *Kalilah wa Dimnah* (selepas ini diringkaskan sebagai KWD) dikarang untuk dipersembahkan kepada raja India yang pernah berlaku zalim. Demikianlah juga usaha menterjemahkan kitab tersebut oleh Abdullah Ibn Al-Muqaffa mempunyai maksud yang sama ditujukan khusus kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, khalifah Abbasiyah pada ketika itu (Al-Fakhuri 1991). Walaupun tujuan tersebut tidak dinyatakan secara jelas, secara implisit ia dapat difahami melalui ungkapan dalam KWD seperti nukilan beliau yang berikut: (Laila Hasan 1984: 24)

"وينبغي للناظر في هذا الكتاب ومقتنيه أن يعلم أنه ينقسم إلى أربعة أقسام وأغراض، أحدهما ما قصد من وضعه على ألسنة البهائم غير الناطقة ليتسارع إلى قراءته واقتنائه أهل الهزل من الشبان فيستميل به قلوبهم، لأن هذا هو الغرض من النوادر بالحيوانات. والثاني: إظهار خيالات الحيوانات بصنوف الألوان والأصباغ ليكون أنسا لقلوب الملوك. ويكون حرصهم اشد للنزهة في أسرار معاني الكلمات الباطنة" تلك الصور، والثالث أن يكون على هذه الصفة فيتخذها الملوك والسوقة فيكثر بذلك انتساخه ولا ييطل على مرور الأيام، بل ينتفع بذلك المصور والناسخ أبداً، والغرض الرابع وهو الأقصى وذلك يخص الفيلسوف خاصة، أعني الوقوف على

“Bagi sesiapa yang membaca buku ini dan memilikinya seharusnya mengetahui bahawa buku ini terbahagi kepada empat bahagian dan tujuan. Satu daripadanya secara sengaja diletakkan dalam bahasa binatang agar dapat mempercepat

pembacaan dan pemilikannya oleh pemuda yang cenderung hati mereka kepada buku tersebut, kerana inilah tujuan beranekdot dengan haiwan. Yang kedua, memperlihatkan khayalan haiwan dalam pelbagai bentuk dan rupa untuk menghibur hati raja-raja, supaya mereka lebih terhibur dengan gambaran itu, dan yang ketiga adalah supaya pembaca mengambil teladan, malah raja-raja dan orang ramai juga, sehingga banyak disalin, dan berterusan begitu walaupun masa telah berlalu, malah pelukis dan penyalin juga terus mendapat manfaat. Tujuan yang keempat dan yang paling utama, adalah khusus untuk ahli falsafah. Maksud saya, melihat rahsia makna kata-kata yang tersembunyi”.

Tujuan khusus inilah yang merupakan usaha beliau untuk menjadikan kitab *Kalilah wa Dimnah* sebagai sebuah ‘naratif’ yang mampu mendidik dengan menyalurkan nilai murni kepada para pemimpin dan masyarakat Abbasiyah. Bagi ahli falsafah dan bijak pandai, mereka akan dapat mengaitkan situasi yang berlaku pada zaman tersebut dengan paparan watak yang ditampilkan oleh Abdullah Ibn Al-Muqaffa menerusi KWD ini. Kebijaksanaan dalam menyampaikan mesej secara tidak langsung ini akan memberikan kesan yang lebih mendalam kepada khalayak pembaca dan seterusnya mengambil iktibar daripada paparan tersebut untuk dijadikan pedoman dalam mendidik masyarakat Abbasiyah pada ketika itu khususnya dan masyarakat umum secara amnya.

Situasi pergolakan yang melanda kerajaan Abbasiyah pada awal penubuhannya telah menimbulkan semangat yang tinggi kepada Abdullah Ibn al-Muqaffa untuk menggerakkan usaha menterjemahkan kitab *Kalilah wa Dimnah* daripada bahasa Parsi ke dalam bahasa Arab (Al-Fakhuri 1991). Kajian Aidah Iwad (1982) membuktikan wujudnya hubungan antara situasi sekeliling dengan nilai yang ingin dicetuskan oleh pengarang dalam menghasilkan karya mereka. Dapatan ini sejajar dengan kenyataan Bertens yang mengaitkan usaha penterjemahan kitab *Kalilah wa Dimnah* oleh Abdullah Ibn Al-Muqaffa sebagai satu bentuk kritikan sosial, yang bertujuan mengkritik penguasa Abbasiyah di samping menggambarkan realiti sebenar yang terjadi pada masa itu (Bertens 2002). Antara isu asas yang diketengahkan oleh Abdullah Ibn Al-Muqaffa dalam KWD termasuklah pemerintahan, dan kewajipan pemerintah kepada rakyat, sifat yang perlu ada pada seseorang pemerintah seperti adil, mengutamakan kebajikan rakyat dan ikhlas berkhidmat untuk rakyat. Selain itu, KWD juga menganjurkan akhlak mulia dalam persahabatan seperti ikhlas, kasih sayang, sifat benar dalam kata-kata dan perbuatan serta sikap memuliakan tetamu (Anon 1978).

a. *Kalilah wa Dimah* karya agung Arab

Kitab *Kalilah wa Dimnah* merupakan karya sastera klasik terkenal hasil terjemahan Abdullah Ibn Al-Muqaffa’ (106H-142H). Abdullah Ibn Al-Muqaffa’ ialah seorang sasterawan dan pelopor prosa Arab tersohor pada zaman Abbasiyah yang berasal dari Parsi (Al-Rafii1968). Karya terjemahan beliau mempunyai pengaruh yang besar dalam sejarah perkembangan kesusasteraan Islam. Sejak kemunculannya, gaya penulisan prosa yang menggunakan dialog dan kehidupan haiwan sebagai latar belakang dengan tujuan untuk memperbaiki akhlak dan tingkah laku manusia telah berkembang. Kitab *Kalilah wa Dimnah* atau ‘*Panchatantra*’ terkenal sejak dua ribu tahun yang lalu dan masih menjadi tarikan pembaca di seluruh dunia Arab (Lunde 1972). Karya terjemahan Ibn al-Muqaffa’ ini menggunakan terjemahan bebas yang tidak terikat dan beliau cuba menyesuaikan beberapa bahagian baharu dalam terjemahannya supaya selaras dengan ajaran yang terdapat dalam Islam, selari dengan cita rasa sasterawan tempatan pada waktu itu (Osman Khalid 1989).

Kitab *Kalilah wa Dimnah* dikenali sebagai ‘*Panchatantra*’ dalam kalangan masyarakat Hindu (Al-Subayel 2007) atau ‘*Five Discourses*’ yang membawa maksud ‘Lima Cerita Haiwan’. Karya ini juga dikenali sebagai *Aesop’s Fable* atau ‘Cerita Dongeng’ dalam masyarakat Greek (Hancock 2004). Pada asalnya, karya ini merupakan sebuah karya Hindu yang disusun secara kemas dalam bahasa Sanskrit oleh ahli falsafah bernama *Baidaba*, untuk memenuhi permintaan seorang raja India yang dikenali sebagai Maharaja *Dabsyalim* (Osman 1989, al-Subayel 2007). Pada awalnya, kitab ini telah diterjemahkan daripada bahasa Sanskrit ke dalam bahasa Parsi oleh *al-Barzawy*, iaitu

seorang tabib kepercayaan Raja Anusyrwan (Al-Muqaffa' t.t.) dan diberi judul *Kalile va Demne* (Roziyah 2012). Abdullah Ibn Al-Muqaffa' merupakan individu yang bertanggungjawab menterjemahkan kitab tersebut daripada bahasa Parsi ke dalam bahasa Arab dan memperkenalkannya dengan nama *Kalilah wa Dimnah* (Denys Johnson-Davies 2003). Judulnya diambil bersempena dengan nama dua ekor serigala yang menjadi watak utama dalam kisah yang pertama (Lunde 1972). Watak utama dalam kitab *Kalilah wa Dimnah* ialah seekor singa sebagai Raja Rimba, dua ekor serigala bersaudara bernama *Kalilah* dan *Dimnah*, seekor lembu jantan bernama *Shatrabah* dan beberapa ekor haiwan lain sebagai sahabat dan pembantu Raja Rimba (Musa, Otunuyi, & Ahmed 2012). Kitab *Kalilah wa Dimnah* merupakan karya berbentuk kisah teladan bertemakan haiwan yang sarat dengan nilai-nilai murni (Syalabi 1970: 246). Kisah bertemakan haiwan yang diterjemahkan dalam hampir semua bahasa di dunia ini memiliki daya tarikan tersendiri. Menurut Nurhasma, Kartina & Rosni (2012), penggunaan tema haiwan sebagai watak utama dalam menyalurkan mesej utama adalah lebih berkesan berbanding dengan cerita biasa. Penggunaannya dianggap unik dan lebih efektif. Al-Kilani (1998: 81) pula menyatakan bahawa “cerita-cerita binatang ialah cerita yang menggunakan watak dan peranan haiwan dalam mengembangkan plot-plot cerita”. Cerita jenis ini juga menggunakan haiwan sebagai simbolik dalam sastera memandangkan terdapat sebahagian haiwan mempunyai sifat-sifat yang sudah dimaklumi karakternya. Antaranya termasuklah berani seperti singa, lambat seperti kura-kura dan bermuslihat seperti musang (Nurhasma, Kartina & Rosni 2012).

Pemilihan watak dalam cerita sering kali diberikan perhatian khusus. Watak haiwan telah digunakan secara meluas kerana ia mempunyai daya tarikan yang tersendiri. Al-Zayyat (1999) menyebut, penggunaan watak haiwan dalam kitab *Kalilah wa Dimnah* merupakan strategi untuk melahirkan kesedaran dan memberikan pengajaran kepada para pemimpin pada ketika itu. Walaupun watak haiwan digunakan, idea dan mesej yang disampaikan mencerminkan realiti sebenar yang berlaku dalam kehidupan manusia. Watak haiwan yang dipaparkan menonjolkan pelbagai simbol tertentu yang mewakili pelbagai sikap seperti berani, setia dan bijaksana (Nurhasma, Kartina & Rosni 2012). Ciri ini memudahkan pembaca memahami mesej dan mencerna nilai murni yang cuba diserapkan menerusi pembacaan. Sehingga kini, kitab *Kalilah wa Dimnah* telahpun diterjemahkan ke dalam bahasa Yunani, Perancis, Sepanyol, Itali, Belanda, Jerman, dan Inggeris (Mahadhir 2008). Menurut Lunde, kitab *Kalilah wa Dimnah* turut diterjemahkan ke dalam bahasa Greek, bahasa Latin, *Old Church Slavic* dan Jerman. Versi dalam bahasa Arab juga turut diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa, antaranya bahasa Turki, Melayu, Jepun, dan Siam. Pada abad ke 19, *Kalilah wa Dimnah* telah diterjemahkan ke dalam bahasa Hindustan, sekali gus melengkapkan satu pusingan proses yang telah bermula sejak 1,700 tahun sebelum ini, di Kashmir (Lunde 1972).

b. Abdullah Ibn al-Muqaffa

Abdullah Ibn al-Muqaffa' atau nama asal dalam bahasa Parsi ialah Ruzbeh bin Darzawaih berasal dari Parsi dan dilahirkan di Basrah pada tahun 107H. Beliau membesar sebagai seorang majusi dalam kalangan bangsa Arab, iaitu keluarga (bani) al-Ahtam yang terkenal dengan kefasihan dan ilmu pengetahuan. Latar belakang keluarga yang berasal dari Parsi dan latar kehidupan dalam kalangan bangsa Arab memungkinkan beliau menguasai bahasa Parsi dan bahasa Arab. Setelah kematian ayahnya al-Muqaffa', beliau memulakan kerjayanya dalam bidang penulisan. Ibn al-Muqaffa' pernah berkhidmat dengan keluarga Habirah, iaitu pemerintah kerajaan Umawiyah dan ketika itu beliau berusia sekitar 20-an. Setelah pemerintahan beralih kepada kerajaan Abbasiyah, beliau mula menjalin hubungan dengan para pembesar seperti bapa saudara Khalifah al-Mansur dan menjadi penulis atau “*katib*” kepada Isa semasa beliau memerintah wilayah “Karman”. Ketika itu, beliau memeluk Islam dan diberi nama Abdullah, dan diberi “*kunyah*” (gelaran) Abu Muhammad. Beliau juga dilantik sebagai “*muaddib*” (guru) kepada Bani Ismail yang merupakan gabenor “al-Ahwaz” ketika itu. (*Kalilah wa Dimnah* t.t)

Berlaku perselisihan yang sangat dahsyat dalam kalangan pengasas kerajaan Abbasiyah pada zaman Ibn al-Muqaffa. Abdullah bin Ali yang merupakan bapa saudara kepada Khalifah al-Mansur memberontak dan berpaling tadah, lalu al-Mansur menghantar bala tentera untuk memerangnya

yang diketuai oleh Abu Muslim al-Khurasni. Akhirnya, Abdullah bin Ali kalah dan melarikan diri untuk mendapatkan perlindungan di sisi saudaranya, Sulaiman bin Ali yang merupakan gabenor Basrah ketika itu. Perbuatan Sulaiman yang melindungi saudaranya menyebabkan kemarahan khalifah al-Mansur, lalu beliau dilucutkan daripada jawatan dan digantikan dengan Sufyan bin Muawiyah. Kemudian, khalifah meminta supaya Sulaiman menyerahkan Abdullah kepadanya, namun Sulaiman enggan berbuat demikian kecuali dengan syarat-syarat tertentu. Pada ketika itu, Abdullah Ibn al-Muqaffa' merupakan *katib* kepada Sulaiman dan beliau diminta untuk menulis perjanjian yang dikenali sebagai "*al-Aman*". Dengan kebijaksanaan Abdullah Ibn al-Muqaffa, beliau mengenakan syarat yang ketat kerana dikhuatiri berlaku pengkhianatan dan tipu helah sehingga menimbulkan perasaan marah al-Mansur dan menyebabkan al-Mansur menyimpan dendam terhadapnya. Selain khalifah al-Mansur, Sufyan bin Muawiyah juga menyimpan perasaan dendam terhadap Abdullah Ibn al-Muqaffa kerana kelantangannya dalam memberikan pendapat dan ejekannya terhadap Sufyan. Terdapat beberapa versi mengenai cara kematiannya, antaranya ialah beliau diseksa oleh gabenor Iraq sehingga mati walaupun pelindungnya yang berpengaruh berusaha menyelamatkannya. Beliau meninggal ketika berusia 36 tahun. Meskipun meninggal pada usia muda, beliau sempat hidup pada dua zaman pemerintahan, iaitu pada era akhir kerajaan Umawiyah dan permulaan kerajaan Abbasiyah yang membawa kepada gelaran "*Mukhadram*" (hidup pada dua zaman) (*Kalilah wa Dimnah* t.t).

Abdullah Ibn al-Muqaffa disifatkan oleh sesetengah pengkaji sebagai individu yang paling pintar dan paling fasih daripada kalangan orang Ajam, berakhlak mulia, pemurah dan sangat setia. Peristiwa beliau dengan rakannya, Abdul Hamid bin Yahya membuktikan sifat setia kawan apabila beliau sanggup mengaku yang beliau ialah Abdul Hamid ketika diburu oleh pemerintah Abbasiyah kerana kesetiaan Abdul Hamid kepada pemerintah terdahulu (*Kalilah wa Dimnah* t.t).

Situasi politik yang bergolak dan melanda negara pada zaman pemerintahan khalifah al-Mansur ketika itu yang menyerupai raja Dabsyalim merupakan dorongan kuat kepada Abdullah Ibn al-Muqaffa untuk menterjemahkan buku yang diberi nama *Kalilah wa Dimnah*. Buku ini dianggap sebagai buku Arab pertama dalam bidang akhlak yang disampaikan melalui lidah haiwan, kerana isinya yang sarat dengan nasihat dan tunjuk ajar (*Kalilah wa Dimnah* t.t).

c. Teori *Binaiyah*

Menurut Durrah Nafisah (2011), Muhardi dan Hasanuddin WS (1992), setiap karya sastra dibangun oleh dua unsur; unsur intrinsik (dalam) dan unsur ekstrinsik (luar). Unsur intrinsik ialah unsur-unsur yang membangun karya sastra itu sendiri dari dalam dan membentuk struktur karya, sedangkan unsur ekstrinsik ialah unsur-unsur yang berada di luar karya sastra itu, tetapi secara tidak langsung mempengaruhi pembinaan sesuatu karya (Durrah Nafisah 2011). Rejeyanti (2011) menjelaskan bahawa kewujudan unsur intrinsik dalam sesebuah karya penting bagi menghadirkan idea atau gagasan. Antara unsur intrinsik tersebut termasuklah plot, tema, tokoh, latar, sudut pandang penceritaan, peristiwa, pesan, gaya bahasa dan permasalahan atau konflik (Muhardi & Hasanuddin WS 1992). Unsur ekstrinsik ialah unsur yang menyusun sebuah karya sastra dari luarnya dan merangkum unsur psikologi/ kejiwaan, sosiologi, politik dan sejarah (Rejeyanti 2011).

Unsur intrinsik yang membina struktur sesebuah karya telah dirincikan secara jelas oleh Abrams dan Harpham (2004) dalam *A Glossary of Literary Terms*. Menurut mereka, analisis struktural dalam karya sastra dapat dilakukan dengan mengidentifikasikan, mengkaji, dan mempreskripsikan fungsi dan hubungan antara unsur intrinsik seperti tema atau latar, watak, plot, suasana dan amanat (Abrams & Harpham 2004). Hal demikian turut dijelaskan oleh Solah Fadl (1998) menerusi kitab *Nazariyyah Binaiyah fi al-Naqdi al-Adabi*. Menurut beliau, teori *Binaiyah* berkait rapat dengan struktur binaan sesebuah karya sastra yang harus dilihat dari aspek *al-Maudu* (tema), *al-Syakhshiyyat* (watak), *al-Habkah* (plot), *al-Biah* (suasana) dan *al-Tausiyyat* (amanat) (Fadl, 1998). Setelah mengetahui fungsi setiap unsur tersebut, kesepaduan makna kemudiannya

dapat dilihat dari hubungan antara setiap peristiwa dan kaitannya dengan watak, latar, pesan dan sebagainya (Fadl, 1998).

Berikut dijelaskan secara rinci unsur-unsur intrinsik dalam teks yang dikaji;

Pertama; *al-maudu'*, iaitu tema atau tajuk yang melatari kisah. Tema merupakan suatu gagasan pusat yang menjadi dasar topik atau pokok perbincangan dan tujuan yang akan dicapai pengarang melalui topiknya (Pulungan 2008). Abrams menerusi penulisan beliau bertajuk *A Glossary of Literary Terms* menjelaskan tema sebagai:

Theme is sometimes used interchangeably with 'motif', but the term is more usefully applied to a general concept or doctrine, whether implicit or asserted, which an imaginative work is designed to incorporate and make persuasive to the reader (Abrams & Harpham 2004).

Kedua; *al-habkah*, iaitu struktur rangkaian kejadian dalam sesebuah cerita yang disusun (Semi, 1988). Menurut Kenny seperti yang dipetik oleh Burhan (1995), *al-habkah* merupakan kronologi, plot atau alur cerita yang merangkumi 5 peringkat dalam penceritaan seperti *marhalah wasf al-halah* (*situation*), *marhalah zuhur al-sira'* (*generating circumstance*), *marhalah irtifa' al-sira'* (*raising action*), *marhalah dhirwati al-sira'* (*climax*) dan *marhalah nuzul al-sara'* (*denouement*). Plot atau alur cerita juga disebut sebagai jalan cerita atau struktur rangkaian kejadian dalam cerita yang disusun secara logis (Durrah Nafisah 2011). *Al-habkah* turut dijelaskan sebagai;

This is termed al-'uqdah or al-habkah al-qasasiyyah. It refers to the plan of the story. It is the general direction of the story. It is the story in a nutshell (Musa, Otunuyi, & Ahmed 2012).

Ketiga; *al-syakhsiyyat*, iaitu watak, karakter atau tokoh dalam sesebuah kisah. Kehadirannya dalam sebuah kisah sangat penting kerana tidak mungkin ada suatu karya fiksi tanpa adanya tokoh yang diceritakan dan tanpa adanya tokoh yang bergerak yang akhirnya membentuk alur cerita (Pulungan 2008). Dari aspek peranan, watak dibahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama disebut sebagai watak utama (*al-syakhsiyyah al-raisah*). Watak utama menjadi tunggak utama yang memainkan peranan penting dalam perjalanan sesebuah kisah. Watak kedua disebut sebagai watak tambahan (*al-syakhsiyyah al-thanawiyah*), iaitu watak yang peranannya tidak terlalu ditonjolkan namun kehadirannya adalah penting sebagai penyokong watak utama atau pelengkap jalan cerita (Dhihni t.t.). Musa, Otunuyi, & Ahmed (2012) mempunyai pandangan tersendiri dalam menjelaskan pengertian watak, iaitu sebagai *protagonis* dan *antagonis*;

The major or minor protagonist and antagonists as well as all those who played one role or the other are called the al-Syakhfiyāt or the Characters in the story (Musa, Otunuyi, & Ahmed 2012).

Keempat; *al-bi'ah*, iaitu suasana atau latar ketika berlakunya kisah tersebut yang melibatkan *bi'ah zamaniyyah* (latar tempat) dan *bi'ah makaniyyah* (latar masa). Menurut Burhan (1995), *bi'ah zamaniyyah* ditujukan kepada lokasi terjadinya peristiwa yang diceritakan sama ada berupa tempat dengan nama-nama tertentu. Manakala *bi'ah makaniyyah* berkait dengan tempat terjadinya sesuatu peristiwa yang diceritakan dalam teks karya. Ringkasnya, suasana atau latar yang dimaksudkan melibatkan tempat dan waktu berlakunya peristiwa yang diceritakan (Nafisah 2011).

Kelima; *al-tausiah* iaitu amanat, pesan atau kesan yang boleh diambil daripada kisah tersebut (Pulungan 2008). Setiap unsur intrinsik yang dibincangkan mempunyai perkaitan yang erat dalam membina makna yang mantap. Dengan itu, setiap komponen intrinsik akan dianalisis untuk mencapai satu kesimpulan makna yang lebih jelas (Fadl 1998).

Sebagai kesimpulan, teori *Bina'iyyah* ini menitikberatkan pemahaman struktur dalam menganalisis sesebuah karya sastra secara sistematik.

d. Kerangka Imam al-Ghazali

Pembentukan akhlak yang unggul menuntut individu berusaha dan beramal dengan segala sifat yang terpuji seperti yang disarankan oleh al-Quran dan Sunnah. Dalam hal yang berkaitan, Imam al-Ghazali menerusi kitab *Ihya' Ulum al-Din* di bawah tajuk *Kitab Riyadhat Al-Nafs wa Tahdzib al-Akhlaq wa Mu'alajat Amrad al-Qalb* telah merincikan elemen penting dalam pembentukan nilai murni. Buku ini menggabungkan 'ulum 'aqliyah (ilmu akal) dengan 'ulum diniyyah (ilmu yang berteraskan wahyu) bagi membentuk falsafah Islam yang lengkap dan diperlukan dalam menjawab segala persoalan kehidupan. Walaupun buku ini telah lama dikarang oleh al-Ghazali, kajian terkini oleh Sheikh dan Ali (2019) menyatakan bahawa beberapa ilmuwan Islam menegaskan bahawa panduan berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran dalam buku tersebut masih relevan. Menerusi kitab tersebut, beliau mengemukakan empat prinsip utama yang menjadi elemen dalam pembentukan akhlak, iaitu *al-hikmah* (kebijaksanaan), *al-syaja'ah* (keberanian), *al-'iffah* (kesucian) dan *al-'adl* (keadilan) (al-Ghazali t.t). Elemen-elemen tersebut menjadi dasar dalam membentuk keperibadian mulia sebagaimana yang dituntut oleh Islam (Raihan Marzuki & Pabiyah Toklubok 2017).

Al-hikmah (kebijaksanaan) terhasil daripada kekuatan ilmu yang mendorong individu membezakan perkara yang benar dengan yang dusta dalam perkataan, antara yang hak dengan yang batil dalam kepercayaan dan antara yang indah dengan yang keji dalam perbuatan (al-Ghazali t.t). Daripada kekuatan ilmu lahirlah nilai kebijaksanaan yang menjadi tunggak utama pembinaan akhlak mulia. Dengannya hidup akan terkawal dan bermotivasi tinggi dalam memperoleh kejayaan dan kebahagiaan (Al-Qasimi 2006). Antara elemen *al-hikmah* yang disenaraikan oleh Imam Al-Ghazali termasuklah kemampuan mengurus dengan baik, memiliki akal fikiran atau kefahaman yang berkualiti, berpandangan tepat, memiliki jangkaan yang tepat, teliti dan memperhalus kerja (al-Ghazali t.t).

Al-syaja'ah (keberanian) pula terhasil apabila kekuatan marah ditundukkan dan dikawal oleh akal, iaitu sekadar yang diperlukan atau ditunjukkan oleh kebijaksanaan (al-Ghazali t.t.). Menurut Imam al-Ghazali, *al-syaja'ah* membentuk kemuliaan diri, keberanian, keperkasaan, kepantasan dan kebijaksanaan, berupaya mengalahkan nafsu, andaian dan khayalan, teguh pendirian, berupaya menahan kemarahan, terhormat dan berkasihan. (al-Ghazali t.t.)

Al-'iffah (kesucian) lahir daripada kekuatan syahwat yang tunduk pada kebijaksanaan (*al-hikmah*). Melalui *al-'iffah*, individu akan sentiasa menjaga kesucian diri dengan memelihara dan menjauhi diri daripada perbuatan maksiat dan tidak baik (al-Ghazali t.t.). *Al-'iffah* melahirkan sifat pemurah, malu, sabar, bertolak ansur, reda, warak dan menjauhi perkara haram, memiliki kesantunan, saling membantu dan mengurangkan ketamakan (Al-Ghazali t.t.).

Elemen terakhir ialah *al-'adl* (keadilan), iaitu kekuatan jiwa untuk mengekang kemarahan dan nafsu syahwat secara adil dan memandunya mengikut kehendak akal dan agama bagi mencapai *al-hikmah* (kebijaksanaan). *Al-'adl* (keadilan) mendorong individu ke arah keselamatan, keharmonian, ketenteraman, dan kebahagiaan.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis teks. Sebanyak sembilan buah cerita daripada keseluruhan 16 cerita dijadikan data untuk kajian ini. Sumber utama kajian ini ialah kitab *Kalilah wa Dimnah* yang mengandungi 296 halaman dan merupakan cetakan pertama yang diterbitkan oleh *al-Maktabah al-Thaqafiyyah*, Beirut, Lubnan. Walau bagaimanapun,

tahun penerbitan tidak dinyatakan. Kitab ini mengandung enam belas kisah; lima daripadanya ialah tulisan asal penulis Baidaba, manakala sebanyak sebelas kisah lagi merupakan kisah sisipan yang dikarang sendiri oleh Abdullah Ibn al-Muqaffa' (Marroum 2011).

Berikut merupakan jadual yang memaparkan sembilan sampel daripada kitab *Kalilah wa Dimnah* yang dikaji;

Jadual 1 : Unit sampel analisis kandungan daripada kitab *Kalilah wa Dimnah*

Bil	Bab	Halaman	Tajuk Sampel
1	Pertama	109	باب الأسد والثور (<i>Bab Singa dan Lembu</i>)
2	Kedua	155	باب الفحص عن أمر دمنة (<i>Bab Menyelidik Urusan Dimnah</i>)
3	Ketiga	172	باب الحمامة المطوقة (<i>Bab Merpati Berkalung</i>)
4	Keempat	190	باب اليوم والغربان (<i>Bab Burung Hantu dan Dua Ekor Gagak</i>)
5	Kelima	215	باب القرد والغليم (<i>Bab Kera dan Kura-kura</i>)
6	Keenam	222	باب الناسك وابن عرس (<i>Bab Ahli Ibadah dan Musang</i>)
7	Ketujuh	225	باب الجرذ والسنور (<i>Bab Tikus dan Kucing Hutan</i>)
8	Kesembilan	238	باب الأسد والشعير الناسك (وهو ابن أوى) (<i>Bab Singa dan Serigala</i>)
9	Keempat belas	277	باب السائح والصائغ (<i>Bab Musafir dan Tukang Emas</i>)

Sesebuah karya terbentuk daripada lima elemen penting, iaitu tema, watak, plot, suasana (latar tempat dan masa) dan mesej (*tausiah*). Namun dalam kajian ini, hanya elemen *tausiah* akan diberi tumpuan kerana elemen ini berkait secara langsung dengan panduan yang akan mendidik masyarakat ke arah kebaikan. Untuk menganalisis data tersebut, teori *Bina'iyyah* dan gagasan Imam al-Ghazali akan digunakan dalam mengenal pasti elemen naratif dan seterusnya menganalisis elemen *tausiah*. Gabungan teori *Bina'iyyah* dalam mengenal pasti unsur intrinsik dengan gagasan akhlak murni yang dibawa oleh al-Imam al-Ghazali mampu merungkai makna hubungan antara unsur intrinsik dengan nilai murni yang terkandung dalam kitab KWD. Pandangan ini selari dengan penjelasan yang dibuat oleh Fadl (1998) bahawa hubungan struktural antara setiap komponen intrinsik perlu difahami untuk mencapai satu kesimpulan makna yang jelas dalam sesebuah karya.

4. Analisis Dan Perbincangan

Menerusi kitab KWD, beberapa bentuk amanat atau *tausiah* ditemukan menerusi kesemua sembilan buah cerita yang dikaji. *Tausiah* ini juga sangat berkait rapat dengan tujuan asas penghasilan buku ini, iaitu teguran kepada pemerintah dan anjuran menjaga hubungan persahabatan. Perincian terhadap *tausiah* tersebut yang dapat diketengahkan dalam bentuk tema adalah seperti yang berikut:

a. Penerapan nilai kepemimpinan

Selaras dengan tujuan penghasilan kitab *Kalilah wa Dimnah*, pengarang ingin menyampaikan *tausiah* penting kepada para pemimpin. Antara perkara yang cuba diterapkan oleh pengarang menerusi cerita KWD termasuklah perkara yang menjurus ke arah melahirkan pemimpin yang berwawasan dan mampu mengendalikan permasalahan dengan bijak menerusi strategi yang teratur

dan berkesan. Kemampuan seorang pemimpin dalam merancang dan mengatur strategi berkait rapat dengan nilai kepemimpinan yang cuba diterapkan oleh pengarang menerusi perbincangan di bawah.

i) Bijak merancang dan mengatur strategi

Kebijaksanaan merancang dan mengatur strategi diadaptasi melalui peristiwa kejayaan kerajaan burung gagak memerangi dan mengalahkan musuh mereka, iaitu burung hantu. Cerita Bab Keempat yang bertajuk *بابُ الْبُؤْمِ وَالْغُرَبَانِ (Bab Burung hantu dan Gagak)* memperlihatkan kebijaksanaan penasihat raja gagak dalam mengatur dan menyusun strategi sehingga berjaya menyelamatkan raja gagak dan rakyatnya daripada terus diserang oleh kerajaan burung hantu. Analisis tema yang dijalankan menyarankan bahawa kekuasaan dan kelangsungan sesebuah kerajaan bergantung pada kebijaksanaan pemimpin yang memerintah. Kebijaksanaan mengatur perancangan dan strategi mampu menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan negara. Data di bawah menunjukkan langkah terbaik yang diutarakan oleh penasihat raja gagak dalam menghadapi kekuatan burung hantu. Penasihat raja gagak berpendapat bahawa memerangi kerajaan burung hantu secara terbuka merupakan satu langkah yang merugikan kerana umum sedia maklum bahawa kekuatan kerajaan burung hantu tidak mampu ditandingi oleh mana-mana kerajaan lain. Justeru, pendekatan yang halus dan strategi yang mantap adalah sangat berkesan dalam usaha mengalahkan musuh terbabit;

"أَيُّهَا الْمَلِكُ، فَإِنَّ مَنْ قَاتَلَ مَنْ لَا يَقْوَى عَلَيْهِ فَقَدْ عَزَرَ نَفْسِهِ."

(Penasihat raja gagak berkata): "Wahai Tuanku, (hamba mohon dihindari peperangan dengan pihak burung hantu). Sesungguhnya mereka yang memerangi musuh yang sudah diketahui tidak akan mampu dikalahkan, hanya akan memperdaya diri sendiri". (hlm. 194)

Antara nilai utama yang perlu ada pada seseorang pemimpin ialah kebijaksanaan dalam mengatur strategi. Memiliki sifat bijaksana dalam mengatur strategi dan juga perancangan teliti, khususnya dalam diri seorang pemimpin akan melahirkan sebuah masyarakat yang mampu berhadapan dengan segala rintangan seperti yang ditunjukkan oleh penasihat raja. Malah perancangan teliti sangat diperlukan dalam sesebuah organisasi walaupun keputusan yang diambil pada zahirnya menampilkan kelemahan organisasi tersebut. Walau bagaimanapun, untuk memastikan keselamatan daripada bahaya yang lebih besar, tindakan yang bijak perlu diutamakan.

b. Keperluan bertindak secara adil dan menjauhi prasangka

Amanat atau *tausiah* seterusnya membincangkan keperluan setiap individu untuk menjauhi prasangka. Sebaliknya, setiap individu dianjurkan agar sentiasa memelihara hati dan perbuatan dengan sentiasa berwaspada dan berfikir terlebih dahulu sebelum menilai dan memutuskan sesuatu keputusan. *Tausiah* ini memerlukan setiap individu memelihara hati dan perlakuan, menilai individu secara adil, berfikir sebelum bertindak dan sentiasa berwaspada terhadap musuh.

i) Memelihara hati dan perlakuan

Analisis data pada bab kesembilan mengandungi pesanan agar manusia sentiasa memelihara hati dan perlakuan. Kesan baik atau buruk daripada sesuatu perkara itu bergantung pada baik atau buruknya hati atau perilaku seseorang, dan bukannya berpunca daripada keadaan sekeliling atau sahabat-sahabat yang berada di sekeliling.

قال ابن آوى: "إِنَّ صُحْبَتِي إِيَّاكَ لَا تُؤْمِنِي إِذَا لَمْ أُؤْتَمَّ نَفْسِي، لَأَنَّ الْإِتِّمَامَ لَيْسَتْ مِنْ قِبَلِ الْأَمَاكِينِ وَالْأَصْحَابِ وَلَكِنَّهَا مِنْ قِبَلِ الْقُلُوبِ وَالْأَعْمَالِ".

Serigala berkata: “Sesungguhnya persahabatanku dengan kamu semua tidak menjadikan aku berdosa, selagi mana aku tidak meletakkan diriku dalam dosa, kerana sesuatu dosa bukanlah berpunca daripada tempat atau sahabat-sahabat (yang berada di sekeliling kita), tetapi ia sebenarnya berpunca daripada hati dan perbuatan”. (hlm. 239)

ii) Menilai individu secara adil

Pengarang turut menyarankan agar tidak terburu-buru dalam menilai seseorang atau sesuatu perkara. Hal ini turut membawa makna sentiasa berlaku adil pada mereka yang berada di sekeliling, lebih-lebih lagi sekiranya individu itu merupakan ketua atau pemerintah. Sebarang tindakan yang tidak didahulukan dengan penelitian dan penilaian terlebih dahulu bakal mengundang kesusahan dan bahaya pada kemudian hari. Bab keempat belas memaparkan cerita tentang penyesalan seorang pengembara yang bertindak menyelamatkan tukang emas tanpa menyelidik latar belakangnya terlebih dahulu, meskipun telah dinasihati oleh sahabat-sahabatnya, iaitu ular, kera dan harimau.

وَيَقُولُ بِأَعْلَى صَوْتِهِ: " لَوْ أَنِّي أَطَعْتُ الْقِرَدَ وَالْحَيَّةَ وَالْبَبْرَ فِيمَا أَمَرْنِي بِهِ وَأَخْبَرْنِي مِنْ قَلَّةِ شُكْرِ الْإِنْسَانِ لَمْ يَصِرْ أَمْرِي إِلَى هَذَا الْبَلَاءِ".

Dan dia (pengembara) berkata dengan suaranya yang kuat: “Andainya aku menurut arahan kera, ular dan harimau dahulu, yang telah mengingatkan diriku tentang sedikitnya manusia yang mahu menghargai kebaikan orang lain, sudah pasti aku tidak akan terjebak dalam musibah ini”. (hlm. 282).

iii) Berfikir sebelum bertindak

Pembaca juga disarankan agar tidak tergesa-gesa dalam membuat sebarang keputusan. Berfikir sebelum bertindak mampu menghindarkan penyesalan yang berpanjangan.

فَقَالَتْ: "هَذِهِ ثَمَرَةُ الْعَجَلَةِ! فَهَذَا مَثَلُ مَنْ لَا يَتَّبِعُ فِي أَمْرِهِ، بَلْ يَفْعَلُ أَعْرَاضَهُ بِالسُّرْعَةِ وَالْعَجَلَةِ"

Si isteri pun berkata: “Inilah akibatnya daripada perbuatanmu yang terburu-buru! Inilah perumpamaan mereka yang selalu tidak berfikir panjang dalam tindakan, sebaliknya bersikap melulu dan terburu-buru”. (hlm. 224)

iv) Berwaspada terhadap musuh

Pada masa yang sama, pengarang turut mengingatkan pembaca tentang kepentingan berwaspada apabila berhadapan dengan musuh. Menjadi kewajipan para pemimpin agar tidak lalai dan sentiasa berwaspada. Kekuasaan yang dimiliki harus dijaga dan dipelihara sebaik-baiknya agar tidak mudah dicerooh oleh pihak musuh. Kelalaian hanya akan merugikan diri dan negara.

" إِنَّهُ لَا يَنْبَغِي لِلْمَلِكِ أَنْ يَعْثُلَ عَنْ أَمْرِهِ، فَإِنَّهُ أَمْرٌ حَسِيمٌ، لَا يَظْفَرُ بِهِ مِنَ النَّاسِ إِلَّا قَلِيلٌ، وَلَا يُدْرِكُ إِلَّا بِالْحَزْمِ، فَإِنَّ الْمَلِكَ عَزِيزٌ، فَمَنْ ظَفَرَ بِهِ فَلْيُحْسِنِ حِفْظَهُ وَتَخَصُّبَهُ".

“Sesungguhnya seorang pemimpin tidak harus lalai pada urusannya. Sesungguhnya ia (kekuasaan itu) perkara yang besar. Kekuasaan itu tidak diperoleh kecuali segelintir manusia sahaja, dan ia (kekuasaan) tidak diraih melainkan dengan ketegasan (memerlukan pengorbanan). Maka mereka yang memilikinya (kekuasaan) haruslah memelihara dan melindunginya”. (hlm. 214)

Perkara penting yang ditekankan oleh pengarang dalam penghasilan karya ini ialah hal yang berkaitan dengan kepemimpinan. Berdasarkan pengalaman hidup dan situasi pergolakan yang dialami oleh pengarang, beliau cuba menganjurkan beberapa sifat yang seharusnya ada pada seorang pemimpin demi menjaga kemakmuran sesebuah masyarakat. Antara nilai yang dianjurkan termasuklah memelihara hati dan perlakuan, menilai individu secara adil, berfikir sebelum bertindak dan sentiasa berwaspada terhadap musuh.

c. Kepentingan memelihara hubungan persahabatan dan semangat berpasukan

Kepentingan memelihara hubungan persahabatan menjadi gagasan utama yang cuba diketengahkan oleh pengarang menerusi karya KWD. Menerusi paparan data di bawah, beberapa perkara yang harus dijadikan keutamaan dalam memelihara hubungan baik sesama manusia dapat dirumuskan, iaitu:

i) Setia dan berkasih sayang

Kesetiaan dalam persahabatan merupakan tema yang banyak dibincangkan dalam karya agung masyarakat India dan menjadi suatu nilai yang amat dititikberatkan (Rajantharan, M. & Subramaniam, M. 2012). Perhubungan yang terjalin atas dasar kesetiaan dan berkasih-sayang walau dalam apa jua keadaan sama ada suka atau duka akan mengukuhkan hubungan dan membawa manfaat kepada ahlinya.

...هَذَا الْخَلْقُ مَعَ صِغَرِهِ وَضَعْفِهِ قَدْ قَدَّرَ عَلَى التَّخَلُّصِ مِنْ مَرَابِطِ الْهَلَكَةِ مَرَّةً بَعْدَ أُخْرَى بِمَوَدَّتِهِ وَخُلُوصِهَا، وَتَبَاتِ قَلْبِهِ عَلَيْهَا، وَاسْتِمْتَاعِهِ مَعَ أَصْحَابِهِ بَعْضُهُمْ بِبَعْضٍ..”

“Makhluk (keempat-empat haiwan) ini meskipun kecil dan daif namun mampu mengatasi masalah demi masalah yang dihadapi mereka dengan (menjadikan sandaran dalam persahabatan mereka) berkasih sayang, setia dan ikhlas antara satu sama lain”. (hlm. 189)

ii) Jujur dan saling mempercayai

Kejujuran dan sifat saling mempercayai penting dalam memelihara sebuah persahabatan agar kekal selama-lamanya. Data menerusi bab kedua menggambarkan kekesalan raja singa atas kematian sahabatnya, *Shatrabah*. Sekiranya baginda menanam kepercayaan dan menghargai kebaikan *Shatrabah* selama ini, sudah pasti hubungan yang terjalin antara mereka tidak berakhir dengan kematian yang sia-sia.

ثُمَّ فَكَّرَ فِي قَتْلِهِ بَعْدَ أَنْ قَتَلَهُ وَذَهَبَ عَنْهُ الْعَصَبُ وَقَالَ: لَقَدْ فَجَعَنِي شَرُّهُ بِنَفْسِهِ
وَكَانَ ذَا عَقْلٍ وَرَأْيٍ وَخُلُقٍ كَرِيمٍ، وَلَا أَذْرِي لَعَلَّهُ كَانَ بَرِيئًا أَوْ مَكْدُوبًا عَلَيْهِ. فَحَزَنَ وَنَدِمَ
عَلَى مَا كَانَ مِنْهُ، وَتَبَيَّنَ ذَلِكَ فِي وَجْهِهِ.

Kemudian setelah membunuh (Shatrabah) dan reda kemarahannya, dia (raja singa) mula berfikir tentang pembunuhan tersebut. Dan (raja singa) berkata: Sesungguhnya Shatrabah telah menyakitiku sedangkan dia memiliki pikiran, pendapat dan akhlak yang mulia. Dan aku tidak tahu adakah dia tidak bersalah atau ia diperdaya mereka (yang iri hati padanya). Maka, dia (raja singa) berasa sedih dan kesal atas apa yang terjadi. Dan jelas tergambar kekesalan itu di wajahnya. (hlm.153)

iii) Saling membantu dan bekerjasama

Antara amanat lain yang cuba diketengahkan ialah gesaan agar sentiasa mengamalkan sikap saling membantu dalam kehidupan. Menurut pengarang, permusuhan sesama manusia boleh bertukar menjadi persahabatan yang memberi manfaat dan menguntungkan kedua-dua belah pihak sekiranya manusia menanam semangat kerjasama dan saling memerlukan antara satu sama lain. Kutipan data di bawah menunjukkan bagaimana *Faridun* memutuskan untuk berbaik-baik dengan musuhnya, *Rumi*. Mereka saling bekerjasama bagi menyelamatkan diri masing-masing daripada bahaya yang sedang menanti.

"وَابْنُ عَرْسٍ هَا هُوَ كَامِنٌ لِي، وَالْبُؤْمُ يَرِصُّدُنِي، وَكَلَاهُمَا لِي وَلَكَ عَدُوٌّ. فَإِنْ جَعَلْتَ لِي
الْأَمَانَ قَطَعْتُ حَبَائِلَكَ، وَخَلَّصْتُكَ مِنْ هَذِهِ الْوَرْطَةِ."

"Dan musang sedang bersembunyi di belakangku, sementara burung hantu sedang mengawasiku. Dan kedua-duanya ialah musuhku dan musuhmu, jika sekiranya engkau selamatkan aku, akan kuputuskan jerat (yang memerangkap) padamu, dan akan kubebaskan engkau daripada kecelakaan ini". (hlm. 228)

iv) Bersatu hati dan bermuafakat

Sifat bersatu hati dan bermuafakat dipaparkan dalam cerita B3 bertajuk *بابُ الْحَمَامَةِ الْمُطَوَّقَةِ* (*Bab Merpati Berkalung*). Ciri-ciri ini ditonjolkan pada cerita yang melibatkan watak merpati *al-Mutawwaqah*, tikus *Zayraka*, dan teman-teman mereka yang lain. Keakraban yang terjalin antara watak tersebut dalam usaha melepaskan diri daripada ancaman musuh membuktikan bahawa mereka mampu menemukan pelbagai jalan penyelesaian hasil permuafakatan bersama-sama pada setiap kali mereka dilanda permasalahan. Ciri-ciri ini dipaparkan pada frasa ayat seperti yang berikut:

فَقَلَعْنَ الشَّبَكَةَ جَمِيعُهُنَّ بِتَعَاوُنِهِنَّ وَعَلَوْنَ فِي الْجَوِّ.

Maka mereka bekerjasama meleraikan jerat (dengan cara) bersama-sama terbang ke udara. (hlm. 173)

Antara perkara asas yang diberi perhatian oleh Abdullah Ibn al-Muqaffa' dalam penghasilan buku *Kalilah wa Dimnah* ialah kepentingan menjaga hubungan persahabatan. Seiringan dengan itu, beliau sering menerapkan segala nilai murni yang boleh membawa kepada pengukuhan hubungan tersebut seperti sifat setia dan berkasih sayang, jujur dan saling mempercayai, saling membantu dan bekerjasama selain bersatu hati serta bermuafakat menerusi cerita yang dipaparkan.

d. Akibat buruk mengkhianati persahabatan

Menurut pengarang, seburuk-buruk persahabatan ialah persahabatan yang dijalin dengan seorang pengkhianat. Amanat seterusnya berkisar tentang akibat buruk yang bakal diterima oleh mereka yang mengkhianati persahabatan dengan memiliki sifat tamak, iri hati dan menipu daya.

i) Akibat sifat tamak dan hasad

Sifat tamak dan hasad dengki yang mengaburi hati *Dimnah* memusnahkan dirinya sendiri. Bermula dengan kehilangan sahabat karibnya *Kalilah*, sehinggalah musnahnya kepercayaan raja singa terhadapnya, dan berakhir dengan kematiannya sendiri. Data daripada bab kedua menjelaskan akibat buruk yang pasti menimpa manusia yang sanggup mengkhianati persahabatan kerana perasaan tamak dan iri hati.


"وأمر بدمنة أن يُقتل في حبسه. فقتل أشنع قتلة. فمن نظر في هذا، فلْيَعْلَمْ أَنَّ مَنْ
أَرَادَ مَنْفَعَةَ نَفْسِهِ بِضَرِّ غَيْرِهِ فَإِنَّهُ سَيَجْزَى عَلَى خِلَاتِيهِ وَمَكْرِهِ".

"Dan Dimnah diarahkan untuk dibunuh di dalam tahanannya. Maka ia dibunuh sekejap-kejapnya. Maka, sesiapa yang telah melihat (cerita) ini, pasti dapat mengetahui (iktibar) bahawa sesiapa yang menginginkan kemaslahatan buat dirinya dengan cara merosakkan orang lain, maka sesungguhnya dia akan mendapat pembalasan atas tipu daya dan muslihatnya". (hlm. 171)

ii) Akibat tipu daya

Pengarang juga mengingatkan akibat daripada perbuatan menipu daya yang akan merugikan sesiapa sahaja yang melakukannya. Menerusi cerita bab kelima, watak penyu jantan yang sebelum ini memperoleh manfaat hasil daripada persahabatannya dengan *Maher*, namun akhirnya pengkhianatan dan penipuan yang dilakukannya telah membawa kerugian dan mengakibatkan persahabatan yang terjalin antara mereka berdua musnah buat selama-lamanya.

Sebuah persahabatan sangat mahal nilainya. Persahabatan yang terjalin perlu dijaga dengan sebaik mungkin melalui pengamalan nilai murni supaya hubungan itu kekal utuh tanpa diganggu gugat oleh sebarang perkara yang boleh meruntuhkan hubungan tersebut seperti sifat tamak, hasad dan tipu daya. Rajah 1 menunjukkan tema yang dibentuk berdasarkan *tausiah* yang diperoleh daripada cerita yang dikaji.

Rajah 1: *Tausiah* dalam KWD

5. Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, rumusan dapat dibuat bahawa KWD menepati ciri sebuah naratif yang bertujuan mendidik masyarakat melalui tema dan *tausiah* yang dianjurkan melalui watak haiwan yang dibina secara sengaja oleh Abdullah Ibn al-Muqaffa'. Pergolakan politik pada ketika itu memberikan inspirasi kepada beliau untuk menghasilkan sebuah karya bagi dijadikan panduan kepada khalayak pembaca khususnya ahli falsafah dan cendekiawan yang dapat memahami amanat dan *tausiah* secara implisit seperti yang ditiptikan oleh pengarang. Kebijaksanaan dan kebolehan Abdullah Ibn al-Muqaffa' dalam bidang penulisan ini menjadikan buku *Kalilah wa Dimnah* sarat dengan nilai estetika dan nilai etika yang merupakan tujuan utama penghasilan buku ini. Strategi naratif yang dibangunkan pengarang dalam *Kalilah wa Dimnah* ini turut memperlihatkan sumbangan aksi watak haiwan yang dibangunkan pengarang dapat membawa makna yang besar dalam perkembangan pendidikan, lantas memperkaya nilai kebersamaan bagi membentuk keperibadian manusia yang mulia di muka bumi ini.

Penghargaan

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil penyelidikan di bawah Geran Putra, Universiti Putra Malaysia yang bernombor: GP95070

Rujukan

- Abrams, M.H. & Harpham, G.G. (pnyt.). 2004. *A Glossary of Literary Terms*. Flaherty J.M. USA: Cengage Learning. <http://doi.org>, diakses pada 23 Juali 2015.
- Anis, Ibrahim et.al. 2004. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Qahirah: Maktabah al-Syuruq al-Duwalliyyah.
- Anon. 1987. *Athar Ibn al-Muqaffa'*. Beirut: Mansyurat Dar Maktabah al -Hayah.
- Bertens, K. 2002. *Etika*. Terj. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Burhan, N. 1995. Teori Pengkajian Fiksi. Yogyakarta: Gajah Mada Press.
- Denys Johnson-Davies. 2003. *Talking to the animals*. *Al-Ahram* 19-25 Jun. (643).
- De Saussure, Ferdinand. 2011. *Course in General Linguistics*. Terj. Wade Baskin. Pnyt. Perry Meisel & Haun Saussy. New York: Columbia University Press.
- Dhihni, Mahmud. t.th. *Tathawwuq al-Adab: Turuquhu wa Wawasailuhu*. Mesir: Maktabah al-Anjlu al Misriyyah.
- Durrah Nafisah. 2011. Peningkatan Pemahaman Unsur Intrinsik pada Cerpen Melalui Metode Kooperatif Tipe Student Teams Achievement Division (Stad). Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta: Tesis Sarjana.
- Fadl, Solah. 1998. *Nazariyyah Bina'iyyah fi al-Naqdi al-Adabi*. Madinah Nasr: Dar al-Syuruq.
- al-Fakhuri, Hanna. 1991. *Al-Mujiz fi al-adab al-'arabi wa tarikhiih*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Jil.
- al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad t.t. *Ihya Ulum al-Din*. Jil. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Hancock, Z. D. 2004. *The Spanish Shahrazd And Her Entourage: The Powers of Storytelling Women In Libro De Los Engaños De Las Mujeres*. University of Maryland: Phd Thesis.
- Ibn al-Muqaffa', Abdullah. t.th. *Kitab Kalilah wa Dimnah*. Beirut: Al-Maktabah Al-Thaqafiyyah.
- Ibn al-Muqaffa', Abdullah. t.th. *Kalilah wa Dimnah*. Beirut: Mansyurat Dar Maktabah Al-Hayah.
- al-Kilani, Najib. 1997. *Adab al-Atfal fi Daw al-Islam*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Iwad, Aidah. 1982. *Dirasah Tahliyyah Li al-Qiam al-Saidah fi Qisasi al-A'fal al-Maujudah Min Qibali Kuttab Urubiyyin fi al-Muddah ma Baina 1950-1980*. Universiti Damsyik: Tesis Sarjana.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laila Hasan.1984. *Masadir al-Hikmah fi Qisas Kalilah wa Dimnah*. Amman: Dar al-Fikr li al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Lunde, P. 1972. Kalila wa Dimna. *Jurnal Saudi Aramco World*, 23(4), 18–21.
- Mahadhir Radzi. 2008. Kalilah wa Dimnah Dari Sudut Pandangan Teori Persuratan Baru. <http://my/201505/kalilah-wa-dimnah-dari-sudut-pandangan.html>. Diakses pada 4 Jun 2014.
- Mana Sikana. 1983. *Sastera Islam di Malaysia*. t.tp: Sarjana.
- Marroum, Marianne. 2011. Kalila wa Dimna Inception, Appropriation and transmimesis. *Comparative Literature Studies*. 48 (4): 512-540
- Muhardi & Hasanuddin WS. 1992. *Prosedur Analisis Fiksi*. Padang: IKIP.
- Musa, I.A., Otunuyi, A.K.T., & Ahmad, A.F. 2012. *Itroducting Arabic Stories*. Lagos: National Open University of Nigeria.
- Nurhasma Muhamad Saad, Kartina Kamaruzzaman & Rosni Samah. 2012. Fungsi Cerita Binatang Dalam Sastera Kanak-Kanak Melayu-Arab. <http://www.ukm.my>. Diakses pada 7 Feb 2014.
- Osman Khalid. 1989. *Kesusasteraan Arab di Zaman Abbasiyah, Andalus dan Zaman Moden*. Muazam Shah: Darul Nadwah.
- Pulungan, Y. 2008. *Analisis Wacana Pesan Moral dalam Novel De Winst Karya Afifah Afra*. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah: Tesis Sarjana.
- Al-Qasimi, Mu'ammad Jamal al-Din. 2006. *Mau'izah Al-Mu'minin min Ihya 'Ulum al-Din: Intipati Ihya' Ulumuddin: Pengajaran Bagi Orang-Orang Mukmin*. (Abu Hasan Din Al-Hafiz, Ed.). Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Darul Fajr.
- Al-Rafii, Mustafa. 1968. *Hdarah al-Arab fi al-Usur al-Islamiyyah al-Zahirah*. Edisi ke-2 Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Raihan Marzuki & Pabiyah Toklubok. 2017. Elemen Pembinaan Akhlak al-Imam al-Ghazali menerusi Karya Klasik *Kalilah wa Dimnah*. *Malaysian Journal for Islamic Studies*.1(1): 25-44
- Rajantharan, M. & Subramaniam, M. 2012. Jati Diri Mengikut Kacamata Budaya Masyarakat India. Siri Penyelidikan dan Penerbitan Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Rejeyanti. 2011. *Analisis Pesan dan Peristiwa Cerita Nabi Nuh a.s dalam al-Quran*. Universitas Sumatera Utara: Tesis Sarjana.
- Roziyah Sidik@Mat Sidik. 2012. Relevansi Faktor Kegemilangan Sains Islam dengan Dunia Islam Masa Kini. *Jurnal al-Tamaddun*, 7(1): 1–13.
- Semi, M. Atar. 1988. *Anatomi Sastra*. Padang: Angkasa Raya.
- Sheikh, S.U. & Ali, M. A., 2019. Al-Ghazali's aims and objectives of Islamic education. *Journal of Education and Educational Development*, 6 (1): 111-125
- Al-Subayel, Wafa Ibrahim. 2007. *Animal Fables between " Panchatantra (Kalila wa Dimna)' and " Tales of Aesop " -A Literary Study*. Al-Imam Muhammad Ibnu Saud Islamic University: Doctoral Dissertation.
- Syalabi, Ahmad. 1970. *Al-Tarikh al-Islami wa al-Hadarah al-Islamiyyah*. Jld. 3. Qaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.
- Al-Thubaity, Nuwair NÉîr. 2006. *Tanawwu al-Adaa al-Balaghi fi Adab Ibn al-Muqaffa'*. Universiti Ummu al-Qura: Tesis Sarjana.
- Al-Zayyat, Ahmad Hasan. 1999. *Tarikh al-Adab al-Arabi*. Ed. ke 5. Beirut: Darul Ma'rifah.

Biodata Penulis

Pabiyah Toklubok merupakan pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Beliau memperoleh ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Sastra Bandingan: Arab-Melayu. Tumpuan penyelidikan beliau ialah Sastra Melayu dan Arab yang memfokuskan elemen perbandingan.

e-mel: pabiyah@upm.edu.my

Kamariah Kamarudin merupakan Profesor Madya di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang. Bidang kepakaran beliau ialah Kesusasteraan Melayu Moden, khususnya novel, sementara tumpuan penyelidikan beliau ialah Kesusasteraan Melayu Moden dan Kesusasteraan Islam. Beliau telah memenangi pelbagai anugerah sastra di peringkat kebangsaan seperti Anugerah Akademik Nasional pada tahun 2019

e-mel: kkamaria@upm.edu.my

Zaitul Azma Zainon Hamzah merupakan mantan Profesor Madya di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan Bahasa Melayu. Bidang pengkhususan beliau ialah Semantik dan Pragmatik, dan beliau telah menerbitkan buku dan artikel dalam bidang tersebut yang memfokuskan kesantunan berbahasa

e-mel: azmahamzah@gmail.com

Raihan Marzuki ialah pengajar bahasa di Pusat Bahasa dan Diplomasi Budaya, Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), Kementerian Luar Negeri Malaysia. Beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam Bahasa Arab dari Universiti Putra Malaysia, Serdang. Minat kajian beliau ialah Bahasa Arab dan Sastra, Linguistik Gunaan dan Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Asing

e-mel: raihanmarzuki@yahoo.com